

# Tujuh Exco Kekaumas UMS hadiri Seminar Tranformasi di Langkawi

UB 29.11.2013 B7

LABUAN: Seramai tujuh orang Exco Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) telah menghadiri Seminar Transformasi Kepimpinan dan Pengukuhan Integriti di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi, Kedah.

Delegasi UMS itu diketuai Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih bersama Setiausaha Pejabat Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Salmiah Tertib dan disertai Pembantu Perpustakaan, Abd Samat Lawi, Pengawal Keselamatan Kanan, Saidin Marjan, Pembantu Makmal, Sekolah Kejuruteraan Teknologi Maklumat, Julius Sokodor, Pembantu Tadbir, Jabatan Canselori, Adizah Mahsar dan Ahli Fotografi Kanan, Azri Onn Othman dari UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Amat Jutrah berkata seminar empat hari itu dirasmikan



**DELEGASI UMS bersama Omar (tiga kanan) dan Amat Jutrah (dua kanan) di Seminar Transformasi Kepimpinan di Langkawi Kedah.**

oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, Mohd Rawi Abd Hamid yang mewakili Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Mukhriz Tun Mahathir.

Katanya Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (GAKUM) merupakan penganjur seminar

itu yang berlangsung pada 24-27 November 2013.

Sementara itu, Presiden Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Universiti Malaysia

(Gakum), Dato' Omar Osman berkata seminar itu bertujuan memantapkan kepimpinan bagi melahirkan penjawat awam yang mampu merealisasikan hasrat organisasi, perkhidmatan dan negara dengan penuh integriti.

Beliau yang juga Presiden Cuepacs Malaysia berkata seminar yang bertemakan 'Memacu Transformasi Penjawat Awam' itu memerlukan penjawat awam lebih berdaya saing dan mengamalkan nilai-nilai integriti.

Katanya dalam mendepani cabaran yang semakin mencabar pada masa akan datang, penjawat awam sewajarnya memberi fokus yang lebih bagi memberikan perkhidmatan cemerlang seperti mana yang diharapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.